

Elak tempat kerja jadi pusat merebak pandemik

Pekerja lazimnya menghabiskan sekurang-kurangnya sepertiga harinya di tempat kerja. Ini menjadikan tempat kerja sebagai 'rumah kedua' bagi kebanyakan orang. Oleh itu, persekitaran tempat kerja selamat penting kepada majikan dan pekerja.

Bagaimanapun, pandemik COVID-19 menyebabkan usaha menyediakan tempat kerja selamat menjadi lebih mencabar.

Ketua Pengarah Kesihatan, Tan Sri Dr Noor Hisham Abdullah mendedahkan kira-kira 30 peratus daripada 230 kluster COVID-19 di negara ini berkait tempat kerja. Sehingga akhir Oktober, 37 kluster berkait tempat kerja masih aktif.

Risiko penularan di tempat kerja boleh berlaku kerana banyak sebab. Antaranya, ruang pejabat sempit, sesak dan kurang pengudaraan.

Kedadaan ini boleh meningkatkan risiko jangkitan sesama rakan sekerja, termasuk mereka yang bekerja dalam suasana bilik mempunyai pendingin hawa.

Begitu juga pekerja banyak berurusan secara bersemuka dengan pelanggan. Disebabkan pendedahan sebegini, risiko jangkitan tinggi.

Prosedur operasi standard (SOP) ditetapkan boleh membantu mengurangkan risiko jangkitan tetapi ia banyak bergantung sikap dan pematuan individu.

Ketika makan misalnya, kita perlu membuka pelitup muka. Sekiranya memilih untuk makan beramai-ramai dengan kawan sekerja, perkara ini sebenarnya meningkatkan risiko jangkitan jika ada yang positif.

Namun, ramai suka makan secara beramai-ramai sekalipun ada SOP menghadkan jumlah di satu-satu meja.

Sangkaan tidak mungkin dijangkiti harus diketepikan kerana virus SARS-CoV-2 yang menyebabkan COVID-19 tidak mengenal mangsa.

Tempat kerja sebagai rumah kedua juga menjadi zon selesa bagi kebanyakan orang. Apabila berada di tempat kerja, ramai merasakan tiada keperluan mematuhi SOP.

Perkara asas seperti pemakaian pelitup muka, etika bersin dan batuk, penjagaan kebersihan, terutama tangan, penjarakan fizikal dan larangan

bersalam sering diabaikan.

Memang benar, kita seharusnya mempunyai rasa kebersamaan dan kekeluargaan tinggi bersama rakan sekerja. Bagaimanapun, kealpaan atau sikap acuh tidak acuh terhadap SOP hanya mendedahkan risiko jangkitan.

Realitinya, majikan hanya boleh mengeluarkan garis panduan dan memberikan peringatan serta nasihat. Selibuhnya berbalik kepada disiplin pekerja sendiri.

Disebabkan risiko penularan di tempat kerja ini, kerajaan memutuskan kebanyakan pekerja menjalankan bekerja dari rumah (BDR) bagi memutuskan rantaian jangkitan COVID-19 terutama berpunca di tempat kerja.

Namun, secara logiknya, arahan BDR ini tidak mungkin dapat diteruskan untuk tempoh lama.

Atas sebab itu, wujud keperluan memastikan kita dapat mewujudkan persekitaran tempat kerja selamat. Perkara ini menuntut kefahaman risiko COVID-19, terutama majikan dan pekerja.

Seterusnya, pematuan terhadap SOP juga perlu dipertingkatkan menerusi penerapan disiplin sendiri dan peraturan dibangunkan di tempat kerja.


Dalam hubungan ini, konsep 'ihsan' boleh diterapkan dalam mewujudkan suasana tempat kerja selamat. Ihsan dalam konteks perlakuan betul dan baik berasaskan belas kasihan dan perikemanusiaan.

Dalam mendepani ancaman COVID-19, pekerja yang mempunyai ihsan akan memastikan tindak-tanduknya tidak membawa ancaman atau risiko kepada rakan pekerja atau pelanggan.

Ihsan juga boleh difahami dalam erti kata mempunyai kesedaran segala tingkah laku diperhatikan Allah SWT. Ia membantu ke arah pematuan kepada SOP kerana pastinya kita tidak mahu melakukan sesuatu membawa kepada kerosakan atau kebinasaan kepada diri sendiri mahupun kepada orang lain.

Rasulullah SAW juga menekankan perkara ini hingga dijadikan kaedah fiqh. Baginda dalam hadis diriwayatkan Ibnu Majah bermaksud: "Tidak boleh melakukan perkara mudarat dan tidak boleh memudaratkan orang lain."

Penulis adalah Pengarah Pusat Kajian Sains dan Alam Sekitar, Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM)



**Dr Shaikh
Mohd
Saifuddeen
Shaikh
Mohd Salleh**